

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah orang perseorangan dan syarikat yang diberikan kelulusan pengecualian cukai dan zakat dari tahun 2010 hingga 2015 dan mengapa.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat pembayar cukai pendapatan syarikat dan individu seperti jumlah pendapatan dan cukai yang dibayar adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan dibawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang menghalang daripada pendedahan maklumat pembayar cukai pendapatan kepada mana-mana pihak.

Aspek kerahsiaan maklumat pembayar cukai ini bertujuan untuk menjaga kepentingan pembayar cukai dan keyakinan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) bahawa maklumat mereka sentiasa disimpan dan dilindungi dengan rapi. Pada masa yang sama, aspek kerahsiaan ini menunjukkan pengiktirafan yang tinggi ke atas kepentingan dan kesejahteraan setiap pembayar cukai selaras dengan amalan yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Berhubung dengan tuntutan rebat zakat pendapatan bagi individu dan tuntutan potongan zakat pendapatan bagi sesebuah syarikat, jumlah tuntutan adalah dihadkan ke atas zakat yang dibayar kepada Majlis Agama Islam Negeri atau Agensi Mengutip Zakat (AMZ). Secara amnya tuntutan tersebut tidak mengakibatkan individu dan syarikat dikecualikan dari membayar cukai pendapatan kepada LHDN.